

Turun padang lawat orang sakit

Ziarah Medik akan jadi rutin mingguan Adun Morib

KANCHONG DARAT - Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dun Morib mahu memfokuskan Ziarah Medik sebagai rutin setiap minggu untuk mendekati masyarakat.

Adun Morib, Hasnul Baharudin berkata, beliau sendiri akan turun padang pada setiap minggu untuk menziarahi pesakit selepas mendapat maklumat daripada pelbagai sumber.

Menurutnya, beliau menganggap Ziarah Medik berkenaan dapat membantu mewujudkan kerjasama antara kakitangan PKM bersama masyarakat selain melihat keperluan dan kemudahan yang diperlukan pesakit.

"Sebagai contoh saya sempat ziarah dan melihat sendiri kesungguhan anak muda yang juga seorang OKU (orang kurang upaya), Shahrul Nizam bekerja sebagai tukang jahit di rumah.

"Walaupun terpaksa bergerak menggunakan kerusi roda, namun dia gigih menyara kehidupannya dengan berbekalkan bantuan mesin jahit," katanya ketika melawat Shahrul Nizam.

Hasnul berkata, melalui tinjauan itu juga, pihaknya juga dapat mengenal pasti keperluan lain yang boleh disalurkan bagi memudahkan anak muda itu bekerja.

Sebelum ini beliau berkata, pihaknya juga pernah menyampaikan mesin jahit butang kepadanya sebagai



Hasnul beramah mesra dengan Shahrul Nizam dalam kunjungan Ziarah Medik di Kanchong Darat.

“Walaupun terpaksa bergerak menggunakan kerusi roda, namun dia gigih menyara kehidupannya berbekalkan bantuan mesin jahit.” - Hasnul

galakan untuk melengkapkan aktiviti menjahit.

Selain itu, Hasnul berhasrat menjadikan aktiviti Ziarah Medik diperluas pada setiap minggu dalam usaha melihat keberkesanan membantu golongan yang benar-benar susah.

Katanya, kunjungannya bukan sahaja tertumpu kepada ziarah pesakit semata-

mata, malah mereka yang menghadapi pelbagai masalah di kampung juga turut diberi perhatian.

"Saya tak nak nanti bila dengar orang sakit baru nak pergi tengok.

"Apa pun program ini memang memberi impak kepada semua pihak dalam membantu golongan yang benar-benar memerlukan," katanya.

Elak keciciran hebahan produk

Unit peladang digesa kemas kini direktori memudahkan rujukan

SIJANGKANG - Setiap unit peladang di negeri ini disarankan supaya mengemas kini direktori masing-masing bagi memudahkan rujukan pelbagai pihak mendapatkan sesuatu produk.

Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Selangor, Mohd Fauzi Badron berkata, proses mengemas kini produk industri di sesebuah unit perlu diutamakan bagi mengelakkan keciciran untuk hebahan.

Menurutnya, kebanyakan unit sudah mempunyai pelbagai produk yang memerlukan sokongan masyarakat atau pelanggan untuk meningkatkan sumber pendapatan mereka.

"Melalui proses kemas kini inilah kita dapat melihat sendiri keupayaan sesuatu produk untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih meluas.

"Kebanyakan ahli peladang dalam usaha meluaskan pasaran melalui aktiviti pengeluaran sekali gus dapat

mewujudkan persaingan sihat dan mampu memberi jenama kepada sesebuah kawasan dalam mengeluarkan sesuatu produk yang terbaik serta dijamin," katanya ketika menyempurnakan Mesyuarat Agung Unit Peladang Kampung Sijangkang di Anjung Budi Batu 7, Sijangkang.

Sementara itu, Ketua Unit Peladang Kampung Sijangkang, Abdul Razak Khasbullah berkata, semua unit peladang di Kuala Langat diminta menyahut saranan LPP Selangor untuk mengemas kini produk yang ada.

Menurutnya, kebanyakan produk unit peladang yang ada sudah menecah 50 ke 60 jenis dan ia menunjukkan perlu wujudnya direktori kampung bagi produk pertanian.

"Saya yakin produk diusahakan ahli peladang perlu diketengahkan melalui direktori dalam simpanan PPK bagi mengelakkan keciciran.

"Kita juga mahu memfokuskan

penjenamaan produk yang memberi impak kepada hasil tani di daerah ini," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Ahli Jemaah Peladang Kawasan Kuala Langat berkata, di peringkat PPK Kuala Langat, pihaknya kini memfokuskan PPK Jaya dalam melihat pelbagai hasil peladang untuk dimajukan.

"Bukan sahaja sektor pertanian yang perlu diutamakan tetapi industri inap desa, perladangan dan makanan turut diberi perhatian bagi menjadikan PPK Kuala Langat berjaya.

"Walaupun Unit Peladang Kawasan Kampung Sijangkang mula mendapat tempat dalam industri fertigasi namun ia bukan bermakna sektor lain tak diberi perhatian.

"Kita mahu jadi contoh kepada unit peladang lain sehingga ke peringkat negeri bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi ahli," katanya.



Sebahagian ahli Unit Peladang Sijangkang bersama Mohd Fauzi (duduk, empat kanan) selepas perasmian Mesyuarat Agung Unit Peladang Kawasan Kampung Sijangkang.

KRT Sungai Jarom aktifkan komuniti



Sebahagian ahli KRT bersama Ibrahim ketika kunjungan ke Rumah Kebajikan Orang-orang Tua Jenjarum.

SUNGAIJAROM - Kawasan Rukun Tetangga Sungai Jarom terus memberikan sumbangan dalam masyarakat dan kali ini dengan mengadakan kunjungan ke Rumah Kebajikan Orang-orang Tua Jenjarum, di sini.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Sungai Jarom, Ang Eng Chai berkata, selain terlibat dengan aktiviti menjaga keselamatan komuniti, KRT itu juga terlibat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan.

Menurutnya, aktiviti itu antara aktiviti tanggungjawab sosial KRT kepada masyarakat sekitar.

"Kita kumpulkan ahli KRT dan pergi ke rumah kebajikan itu beramai-ramai untuk mereka rasai sendiri kehidupan penghuni rumah orang-orang tua ini.

"Aktiviti ini benar-benar memberi keinsafan kepada ahli.

"Walaupun berbeza bangsa dan agama, perasaan sama dapat dirasai dengan kunjungan ini," katanya ketika mengadakan Majlis Penyampaian Angpau dan Barangan Dapur kepada

penghuni rumah kebajikan terbabit.

Eng Chai berkata, aktiviti itu akan dijadikan acara tahunan persatuan dalam usaha memupuk semangat kejiwaan yang aktif.

"Kita percaya, ahli yang terlibat dalam aktiviti ini masing-masing teruja menyelami kehidupan warga tua di rumah kebajikan itu," katanya.

Sementara itu, Pegawai Perpaduan Daerah Kuala Langat, Ibrahim Abdullah berkata, inisiatif rukun tetangga mempelbagaikan aktiviti perlu diteruskan bagi membantu mengaktifkan kawasan masing-masing.

"Aktiviti ini perlu diteruskan dan semua ahli KRT perlu memainkan peranan mengaktifkan kawasan.

"Saya harap program ini turut menjadi contoh kepada KRT lain untuk mempelbagaikan aktiviti setiap kali musim perayaan," katanya.

HEBAHKAN
AKTIVITI KOMUNITI ANDA
mohd.hanafiah@sinarharian.com.my



Pas ibarat berdepan krisis keyakinan diri sendiri: Kamarudin

TELOK DATOK - Pas dilihat cuba menimbulkan provokasi kalangan aktivis Parti Amanah Negara (Amanah) selain berusaha mencetuskan krisis keyakinan kalangan ahli parti itu.

Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi), Dr Kamarudin Musa berkata, soal keluar masuk parti oleh mana-mana individu bukanlah sesuatu yang pelik dan bukan penanda aras kepada kekuatan sebenar sebuah parti politik.

Bahkan menurutnya, ia adalah sesuatu yang normal dalam konteks amalan politik demokrasi.

"Bagi saya ia juga satu tindakan biasa bagi individu yang masih gagal dalam meneguhkan perjuangan politik, masih gagal dalam memantapkan falsafah perjuangan politik dan terikat dengan politik ikut-ikutan.

"Apabila Pas menggambar-gemburkan apa yang dikatakan 'ahli Amanah berasal dari Pas, kembali kepada Pas juga', ia bukan sesuatu yang luar biasa, sebaliknya menggambarkan Pas mengalami krisis keyakinan terhadap diri sendiri dan berdepan kemelut ideologi untuk beraksi dalam realiti politik Malaysia," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini, Setiausaha Agung Pas,

Tak perlu ungkit

Pas tak perlu dedahkan ahli Amanah yang mahu sertai semula parti itu.

■ MOHD SYARI SAARI

SHAH ALAM - Soal siapa dan berapa ramai ahli Parti Amanah Negara (Amanah) kembali kepada Pas tidak perlu dihebahkan.

Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, perkara lebih penting, mereka telah

kembali kepada Pas.

"Pada masa sama, tidak perlu kita ungkit masa mereka bersama Amanah...lupakan sahaja episod itu," katanya dalam kenyataan kepada *Sinar Harian*.

Semalam, Ketua Wanita Amanah, Dr Siti Minnah Mahmud minta Pas kemulakan bukit nama dan nombor keahlian ahli Amanah yang didakwa mahu kembali ke pangkalan.

Cabaran itu susulan daripada kenyataan Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin Hassan yang mendakwa terdapat ahli Amanah yang mahu keluar daripada parti itu dan sertai semula.

Iskandar yang juga Naib Presiden Pas berkata, tumpuan sekarang adalah berkhidmat kepada rakyat dan bekerja untuk menumbangkan BN.



"6" Kita mahu tumpukan kepada usaha untuk membela rakyat dan membangunka negeri. Kita nak kurangkan cakap-cakap politik ini." - Iskandar

kurangkan cakap-cakap politik

'Pas kena tunjuk bukti'

Ala benar ada ahli Amanah sertai semula Pas

...menyatakan bahawa ia adalah satu tindakan yang normal dalam konteks amalan politik demokrasi. Beliau juga berkata, ia adalah sesuatu yang wajar bagi individu yang masih gagal dalam meneguhkan perjuangan politik, masih gagal dalam memantapkan falsafah perjuangan politik dan terikat dengan politik ikut-ikutan.

Apabila Pas menggambar-gemburkan apa yang dikatakan 'ahli Amanah berasal dari Pas, kembali kepada Pas juga', ia bukan sesuatu yang luar biasa, sebaliknya menggambarkan Pas mengalami krisis keyakinan terhadap diri sendiri dan berdepan kemelut ideologi untuk beraksi dalam realiti politik Malaysia," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini, Setiausaha Agung Pas,

Laporan *Sinar Harian*, semalam.

Datuk Takiyuddin Hassan mendakwa mempunyai bukti ada ahli Amanah mengubah haluan menyokong perjuangan Pas.

Beliau meminta kepimpinan Amanah untuk menyiasat sendiri perkara itu kerana beliau tidak akan mendedahkan nama-nama individu yang terlibat.

Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad pula berkata, soal siapa dan berapa ramai ahli Amanah kembali kepada Pas tidak perlu dihebahkan.

"Pada masa sama, tidak perlu kita ungkit masa mereka bersama Amanah...lupakan sahaja episod itu," katanya.

Kolej Komuniti Kuala Langat anjur program kesihatan

Banting: Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) membuka tirai tahun 2016 dengan menganjurkan bengkel KKKL Keep Fit.

Seramai 30 orang ahli Kelab Kebajikan Staf KKKL menyertai program itu yang dijalankan selama sehari.

Pengarah KKKL, Zainah Rujihan, berkata program itu bertujuan menjadikan semua staf lebih sihat agar dapat menjalankan tugas dengan lebih cemerlang.

"Setiap tahun, pasti ada cabaran baharu yang bakal ditempuhi dalam bidang kerja, dan saya menggalakkan semua kakitangan mementingkan keseimbangan kesihatan tubuh badan serta minda.

"Ini membolehkan kakitangan KKKL lebih fokus dalam bidang tugas dan dapat menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelajar dan komuniti," ujarnya.

Bengkel itu dikendalikan



Seramai 30 ahli Kelab Kebajikan Staf KKKL menyertai bengkel KKKL Keep Fit.

oleh Salawati Tokimin @ Mizs Watie dari Fit & Gorgeous Fitness Studio.

Salawati berkongsi beberapa formula agar setiap peserta dapat menetapkan sasaran

kecergasan diri masing-masing.

Nilai tahap pencapaian

Peserta juga didedahkan dengan cara berlatih yang betul bagi mencapai sasaran kecergasan

yang dikehendaki.

Salawati turut memberi simulasi latihan ringkas bagi menilai tahap pencapaian peserta sama ada berada di tahap Pemulihan Kesihatan, Kecergasan Normal, Pembaka-

ran Lemak, atau Prestasi Tinggi.

Di akhir sesi bengkel, beliau berkongsi tip pemakanan kerana kira-kira 80 peratus berat badan adalah hasil daripada makanan yang diambil.